2. four fingers	40%
3. thumb – both phalanxes	25%
4. thumb – one phalanx	10%
5. index finger – three phalanxes	10%
6. index finger – two phalanxes	8%
7. index finger – one phalanx	4%
8. middle finger – three phalanxes	6%
9. middle finger – two phalanxes	4%
10. middle finger – one phalanx	2%
11. ring finger – three phalanxes	5%
12. ring finger – two phalanxes	4%
13. ring finger – one phalanx	2%
14. little finger – three phalanxes	4%
15. little finger – two phalanxes	3%
16. little finger – one phalanx	2%
17. metacarpals- first or second (additional)	3%
18. metacarpals- third, fourth or fifth (additional)	2%
19. toes – all	15%
20. toes – great, both phalanxes	5%
21. toes – great , one phalanx	2%
22. toes – other than great, if more than one toe lost, each	1%
F. TOTAL AND PERMANENT LOSS OF :	
1. hearing in both ears	75%
2. hearing in one ear	15%
3. speech	50%

If the permanent total disability is not shown in the above scale of benefits, the Company reserves the right to determine the amount payable under this permanent total disability. The aggregate of all percentages in respect of any one accident shall not exceed 100%. Accidental permanent total loss of use of limb without actual severance will be treated as loss of limb.

POLISI KEMALANGAN DIRI SERATA DUNIA SERTA BONUS

BAHAWASANYA Pengambil Insurans yang dinamakan di dalam Jadual dengan cadangan dan akuan yang ditandatangani telah memohon kepada Syarikat untuk perlindungan insurans dengan terma dan syarat yang dinyatakan kemudian dari ini.

Bahawasanya pihak-pihak dalam dokumen ini bersetuju bahawa Cadangan dan Akuan bersama-sama dengan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Pengambil Insurans adalah asas kepada kontrak ini dan diputuskan sebahagian dalam perjanjian ini.

Maka Syarikat ini bersetuju bahawa sekiranya Kejadian yang diuraikan dalam Polisi berlaku ke atas Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans dan mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau menyebabkan Rawatan Perubatan diperlukan, Syarikat akan, tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat yang terkandung dalam perjanjian ini atau diendors atau dinyatakan dengan cara lain pada dokumen ini, membayar pampasan yang ditetapkan dalam Jadual kepada Pengambil Insurans, atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang dalam hal Kematian.

A. Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

TAKRIF

ORANG YANG DIINSURANSKAN bermaksud:

- a) Pengambil Insurans yang tidak melebihi usia 60 tahun;
- b) Suami/isteri Pengambil Insurans, melainkan berpisah daripada Pengambil Insurans di sisi undang-undang, yang tidak melebihi usia 60 tahun;
- c) Anak-anak Pengambil Insurans yang belum berkahwin, yang berusia antara 1 tahun hingga 21 tahun.

KECEDERAAN BADAN bermaksud kecederaan dialami di mana-mana sahaja di dunia ini yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh keganasan kemalangan luaran dan cara-cara nyata dan kecederaan adalah semata-mata dan berasingan daripada apa-apa sebab lain dan mengakibatkan kematian atau hilang upaya

Pengambil Insurans dalam masa dua belas (12) bulan kalender dari tarikh kecederaan sedemikian.

FAEDAH MINGGUAN bermaksud apa-apa pampasan dibayar pada kadar tertentu setiap minggu.

FAEDAH SEKALIGUS bermaksud semua bentuk pampasan yang tidak dibayar pada kadar tertentu setiap minggu.

HILANG UPAYA MENYELURUH SEMENTARA (TTD) bermaksud hilang upaya menyeluruh dan berterusan yang menghalang Pengambil Insurans daripada menguruskan atau melibatkan diri dalam apa-apa perniagaan, profesion atau apa-apa jenis pekerjaan, Syarikat akan membayar pampasan mingguan yang dikira dari tarikh kecederaan kepada Pengambil Insurans untuk tempoh maksimum selama 104 minggu.

Pampasan mingguan yang dibayar di bawah faedah ini adalah berdasarkan had atau jumlah diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual

HILANG UPAYA SEPARA SEMENTARA (TPD) bermaksud hilang upaya separa yang menghalang Pengambil Insurans daripada menguruskan sebahagian penting daripada walau apa-apa pun perniagaan profesion atau pekerjaan biasanya dengan serta-merta berikutan suatu tempoh hilang upaya menyeluruh yang dilindungi di bawah TTD di atas, Syarikat akan membayar pampasan indemniti mingguan yang dinyatakan untuk tempoh hilang upaya separa berterusan sedemikian dan tempoh maksimum adalah 104 minggu.

Pampasan mingguan yang dibayar di bawah faedah ini adalah berdasarkan had atau jumlah diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual.

Tempoh pampasan dibayar di bawah TTD dan TPD sama ada secara berasingan atau bersama-sama tidak boleh melebihi 104 minggu dalam hal mana-mana satu kecederaan.

FAEDAH BAYARAN GANTI PERUBATAN KEMALANGAN bermaksud belanja sebenar ditanggung untuk rawatan di hospital, kejururawatan, pembedahan dan rawatan perubatan lain berkaitan dengan apa-apa Kecederaan Badan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh suatu kemalangan yang disebabkan oleh keganasan, luaran dan cara-cara nyata.

Syarikat akan membayar balik kepada Pengambil Insurans belanja sedemikian yang ditanggung dengan semestinya dan sewajarnya dan dibayar oleh Pengambil Insurans sehingga tetapi tidak melebihi RM2,000 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan.

PENDAPATAN HOSPITAL (FAEDAH MINGGUAN) bermaksud bayaran RM100 seminggu jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke sebuah hospital berlesen akibat suatu Kecederaan untuk tempoh yang tidak melebihi 104 minggu dari kejadian Kecederaan tersebut.

INDEMNITI DUA KALI GANDA bermaksud suatu Faedah Sekaligus dibayar untuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebagaimana ditentukan di bawah Faedah 1 hingga 6 di dalam Skala Faedah.

BELANJA PERJALANAN LUAR NEGERI bermaksud bayaran ganti sehingga RM2,500 untuk belanja perjalanan ke suatu destinasi luar negeri yang ditanggung oleh waris kadim Orang Yang Diinsuranskan dalam hal kematian Orang Yang Diinsuranskan yang berlaku akibat daripada suatu kemalangan di luar Malaysia.

REPATRIASI bermaksud bayaran ganti sehingga RM2,500 untuk belanja pemindahan mayat Orang Yang Diinsuranskan ke tempat kediamannya dalam kawasan Malaysia dan Singapura, jika kematian berlaku akibat daripada suatu kemalangan semasa di luar Negara domisil biasa Orang Yang Diinsuranskan.

LIABILITI DIRI bermaksud liabiliti Orang Yang Diinsuranskan di sisi undang-undang akibat daripada apa-apa kecuaiannya sendiri dan menyebabkan (a) kehilangan fizikal secara kemalangan atau kerosakan harta ketara kepunyaan seseorang dan (b) kematian kemalangan atau kecederaan badan ke atas seseorang yang bukan ahli rumah tangga atau keluarga Pengambil Insurans atau diambil bekerja oleh Orang Yang Diinsuranskan sebagai pekerja atau kontraktor pada masa kemalangan berlaku.

Syarikat tidak boleh menanggung rugi Orang Yang Diinsuranskan di bawah Seksyen ini untuk liabiliti yang sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau akibat daripada (a) perdagangan, perkerjaan atau profesion Orang Yang Diinsuranskan, (b) apa-apa perjanjian atau kontrak yang diikat atau diandaikan oleh Orang Yang Diinsuranskan dan (c) penggunaan apa-apa kenderaan yang digerakkan secara mekanikal di atas jalanraya awam.

Had indemniti di bawah Seksyen ini tidak boleh melebihi RM50,000 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan akibat daripada satu kejadian dan adalah tidak terhad untuk tempoh insurans tersebut.

Tambahan lagi kos undang-undang dan belanja yang diputuskan terhadap Orang Yang Diinsuranskan dan semua kos dan belanja lain yang ditanggung dengan keizinan bertulis daripada Syarikat, adalah dilindungi, tertakluk kepada had indemniti sebagaimana ditentukan dalam perjanjian ini.

PERUNTUKAN KHAS

- BONUS PEMBAHARUAN;** apabila Polisi ini diperbaharui, jumlah diinsuranskan asal untuk kematian dan hilang upaya menyeluruh kekal adalah bertambah secara automatik dengan sepuluh peratus (10%) setiap tahun kepada tahap maksimum sebanyak tiga puluh peratus (30%) pada keseluruhannya, dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam tahun insurans yang lengkap. Faedah ini hanya dikenakan ke atas Orang Yang Diinsuranskan dan suami/isteri dan adalah terkecuali anak-anak yang diinsuranskan dengan polisi tersebut.
- KEHILANGAN;** Syarikat akan menganggap kematian telah berlaku ke atas diri Orang Yang Diinsuranskan jika dia hilang untuk dua belas (12) bulan berturut-turut dan bukti mencukupi yang membawa kepada kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh suatu kecederaan telah diberikan.
Walau bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas pembayaran pampasan untuk kematian sedemikian Orang Yang Diinsuranskan didapati masih hidup, maka pampasan sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Syarikat.
- PENDEDAHAN;** Jika akibat daripada suatu kecederaan, Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian atau hilang upaya akibat pendedahan kepada elemen tersebut, Syarikat akan menganggap kematian atau hilang upaya sedemikian disebabkan oleh Kecederaan.

PENGECUALIAN

Walau apa pun terkandung dalam insurans ini dengan sebaliknya, faedah tidak dikenakan jika kematian atau hilang upaya Pengambil Insurans adalah diakibatkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi pemberontakan, ketenteraan atau perampasan kuasa;
- Sawan, penyakit kelamin, jangkitan, apa-apa jenis penyakit, AIDS, keadaan tidak siaman, keadaan mabuk oleh alkohol atau dadah;
- Kelahiran anak, kehamilan, keguguran atau apa-apa komplikasi daripadanya;
- Kegiatan menyalahi undang-undang dilakukan oleh Pengambil Insurans atau oleh Tangan Keadilan, membangkitkan pembunuhan atau serangan;
- Pengionan sinaran radioaktif atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
- Di dalam atau masuk ke dalam, turun atau jatuh dari mana-mana pesawat udara melainkan dalam perjalanan sebagai

seorang penumpang berbayar dalam sebuah pesawat udara berlesen yang berkhidmat untuk penumpang dengan jalan penerbangan atau penerbangan berjadual yang tetap dan bukan sebagai seorang ahli penerbangan atau untuk tujuan menjalankan apa-apa operasi teknikal atau pengemudian semasa berada di dalam pesawat udara;

- Membunuh diri atau cubaan membunuh diri (sama ada berupa jenayah atau tidak) kecederaan diri yang disengajakan dan pendedahan kepada bahaya yang tidak perlu dengan sengaja;
- Sukan payung terjun, sukan luncur gantung, lompatan bungee atau apa-apa sukan udara lain, berlumba atau apa-apa jenis ujian kelajuan, mendaki gunung atau lari jauh berhalang, sukan musim sejuk atau apa-apa jenis ski, selam skuba atau menyelam bawah air dan memburu;
- kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada Tindakan Keganasan apabila tindakan dan / atau tindakan Keganasan melibatkan penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Senjata Biologi ini mungkin menyumbang atau bergabung kepada kebinasaan secara besar-besaran dalam sebarang bentuk;
- Apa-apa jenis jangkitan dan/atau sakit dan/atau penyakit yang timbul daripada dan/atau disebabkan oleh dan/atau diakibatkan walau macam mana pun dan/atau apa sahaja oleh apa-apa jenis nyamuk tanpa mengira spesis nyamuk termasuk tetapi tidak dihadkan kepada gigitan nyamuk.

SYARAT

1. Pematuhan Syarat

Pematuhan dan penunaian terma, syarat, peruntukan dan pengendorsan terkandung dalam perjanjian ini dengan sewajarnya oleh pihak-pihak berkenaan adalah syarat terdahulu bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah insurans ini.

2. Perubahan dan Pindaan

Pengambil Insurans hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan serta-merta mengenai apa-apa pertukaran alamat atau pertukaran atau tambahan penggajian atau pekerjaan, tugas atau kegiatan atau apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah mempengaruhi Pengambil Insurans dan apa-apa insurans lain yang berkuatkuasa terhadap kemalangan atau ketakupayaan.

Semua notis yang perlu diberi oleh Pengambil Insurans kepada Syarikat mesti secara bertulis dan tiada pindaan pada terma insurans ini mahupun mana-mana pengendorsan padanya, akan diputuskan sah melainkan ia berkuatkuasa dengan keluaran pengendorsan rasmi Syarikat yang disifatkan sebahagian daripada insurans ini.

3. Notis Tuntutan dan Rawatan Perubatan

Pengambil Insurans hendaklah memberi notis kepada Syarikat secepat mungkin dengan sewajarnya dan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kejadian apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah insurans ini, dengan butir-butir lengkap tentang kemalangan dan kecederaan dan hendaklah mendapat dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang diiktiraf dengan secepat mungkin.

4. Jumlah semua Tuntutan Dibayar

Apa-apa jumlah yang kena dibayar dalam hal Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal adalah dikurangkan mengikut apa-apa jumlah yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan faedah Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (TTD) dan Hilang Upaya Separa Sementara (TPD).

Jumlah liabiliti Syarikat berkenaan dengan jumlah semua faedah dibayar dalam hal kematian dan hilang upaya tidak boleh melebihi jumlah diinsuranskan.

5. Bukti Tuntutan

Pengambil Insurans atau wakil dirinya di sisi undang-undang juga hendaklah memberikan semua sijil, maklumat dan bukti kepada Syarikat atas belanja sendiri sebagaimana dikehendaki oleh Syarikat dan Pengambil Insurans hendaklah menyerahkan suatu pemeriksaan perubatan apabila diperlukan dengan sewajarnya pada bila-bila masa atas belanja Syarikat.

Dalam hal sesuatu kemalangan yang mengakibatkan kematian Pengambil Insurans, notis hendaklah diberi kepada Syarikat dengan serta-merta dan Syarikat adalah berhak dan diberi peluang untuk menjalankan pemeriksaan post-mortem.

6. Tak Serahhak

Syarikat tidak boleh mengiktiraf atau dipengaruhi oleh apa-apa notis amanah, tanggungan, lien, penyerahan hak atau urusan lain yang berkaitan dengan insurans ini dan penerimaan apa-apa faedah yang dibayar menurut dokumen ini oleh Pengambil Insurans atau wakil dirinya di sisi undang-undang semata-mata akan menjadi pelepasan berkesan kepada Penanggung Insurans dalam semua hal.

7. Pemberhentian dan Pembatalan

Insurans ini akan ditamatkan apabila suatu permintaan bertulis untuk penamatan dihantar kepada Syarikat.

Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa melalui surat berdaftar daripada Syarikat yang dihantar ke alamat terakhir Pengambil Insurans yang diketahui dan dalam hal sedemikian kami akan memulangkan bahagian pro-rata premium untuk tempoh Insurans yang belum berkuatkuasa. Untuk tujuan syarat ini, pembatalan akan berkuatkuasa dalam masa tujuh (7) hari selepas notis pembatalan sepatutnya diterima oleh Pengambil Insurans tanpa menjejaskan hak Pengambil Insurans berkenaan dengan apa-apa tuntutan sebelumnya.

Atas sebab kemalangan, Pengambil Insurans mengalami kecederaan yang mengakibatkan tuntutan untuk jumlah yang bersamaan atau melebihi satu-setengah daripada jumlah diinsuranskan untuk insurans ini.

8. Timbangtara

Segala percanggahan akibat daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, yang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalender selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam keadaan Penimbangtara-penimbangtara tidak bersetuju tentang seorang wasit yang dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum bermulanya perujukan. Wasit tersebut akan duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan menjadi pengerusi dalam mesyuarat mereka dan pembuatan suatu award adalah syarat terdahulu bagi apa-apa hak tindakan terhadap Penanggung Insurans. Penanggung Insurans boleh menolak tuntutan liabiliti terhadap Pengambil Insurans untuk apa-apa tuntutan menurut dokumen ini dan jika tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara dibawah peruntukan dalam perjanjian ini dalam masa dua belas (12) bulan kalender dari tarikh penolak tuntutan sedemikian, maka tuntutan tersebut akan dianggap telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh didapati kembali menurut dokumen ini selepas itu.

9. Kewajipan Pendedahan

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang

Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar;
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans;
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula;
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad;
- iii. Subjek Data (pencadang) hendaklah dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

CUKAI PERKHIDMATAN

Notis Mustahak:-

Dimaklumkan bahawa Cukai Perkhidmatan akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2018 pada kadar enam (6) peratus.

Pihak Syarikat berhak memungut sejumlah amaun bayaran Cukai Perkhidmatan yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 September 2018, memungut daripada pemegang polisi amaun Cukai Perkhidmatan keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 September 2018.

Kewajipan pembayaran Cukai Perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi Insurans.

Undang-Undang yang mengawal Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan, 2018 dan segala Peraturan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan sayart-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikan kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

SKALA FAEDAH

Tertakluk kepada terma dan syarat terkandung dalam perjanjian ini, kehilangan yang dilindungi oleh insurans ini dan bahagian jumlah diinsuranskan yang ditentukan berikut akan dibayar apabila berlaku kejadian berikut :

AKIBAT	Pampasan Peratusan daripada Jumlah Diinsuranskan
A. KEMATIAN	100%
B. HILANG UPAYA MENYELURUH & KEKAL yang mengakibatkan :	
1. Kehilangan dua anggota badan	200%
2. Kehilangan kedua-dua tangan . atau semua jari dan kedua-dua ibu jari tangan	200%
3. Kehilangan penglihatan pada kedua-dua belah mata secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan	200%
4. Kelumpuhan Menyeluruh	200%
5. Kecederaan mengakibatkan keadaan terlantar sakit di katil selama-lamanya	200%
6. Apa-apa kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh kekal yang menghalang Pengambil Insurans daripada menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa perniagaan , profesion atau apa-apa jenis pekerjaan, dengan syarat bahawa selepas tamatnya tempoh lima puluh dua (52)minggu berturut-turut bagi hilang upaya tersebut, hilang upaya sedemikian adalah diluluskan sebagai menyeluruh dan kekal untuk kehidupan Pengambil Insurans yang seterusnya.	200%
C.HILANG UPAYA SEPARA KEKAL YANG MENGAKIBATKAN KEHILANGAN MENYELURUH MELALUI PEMOTONGAN SECARA FIZIKAL ATAU KEHILANGAN PENGGUNAAN MENYELURUH DAN KEKAL UNTUK:	
1. lengan pada bahu	100%
2. lengan di antara bahu dan siku	100%
3. lengan pada siku	100%
4. lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
5. tangan pada pergelangan tangan	100%
6. kaki pada pinggul	100%
7. kaki di antara lutut dan pinggul	100%
8. kaki di bawah lutut	100%
D. KEHILANGAN MENYELURUH DAN KEKAL :	
1. seluruh mata	100%
2. penglihatan pada mata	100%
3. penglihatan kecuali persepsi cahaya	50%
4. kanta mata	50%
E.KEHILANGAN MENYELURUH MELALUI PEMOTONGAN FIZIKAL ATAU KEHILANGAN PENGGUNAAN MENYELURUH DAN KEKAL :	
1. empat jari dan ibu jari pada satu tangan	50%
2. empat jari	40%
3. ibu jari – kedua- dua falanks	25%
4. ibu jari – satu falanks	10%
5. jari telunjuk – tiga falanks	10%
6. jari telunjuk - dua falanks	8%
7. jari telunjuk – satu falanks	4%
8. jari tengah – tiga falanks	6%
9. jari tengah – dua falanks	4%
10.jari tengah – satu falanks	2%
11.jari manis – tiga falanks	5%
12.jari manis – dua falanks	4%
13.jari manis – satu falanks	2%
14.jari kelingking – tiga falanks	4%
15.jari kelingking – dua falanks	3%
16.jari kelingking – satu falanks	2%
17.metakarpus – pertama atau kedua (tambahan)	3%
18.metakarpus – ketiga , keempat atau kelima (tambahan)	2%
19.jari kaki – semua	15%
20.jari kaki – ibu jari kaki, kedua-dua falanks	5%
21.jari kaki – ibu jari kaki, satu falanks	2%
22.jari kaki – selain daripada ibu jari kaki , jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%
F. KEHILANGAN MENYELURUH DAN KEKAL :	
1. pendengaran pada kedua-dua belah telinga	75%
2. pendengaran pada sebelah telinga	15%
3. keupayaan bertutur	50%

Jika ketakupayaan menyeluruh kekal tidak ditunjukkan pada skala faedah di atas, Syarikat mempunyai hak untuk menentukan amaun yang dibayar di bawah ketakupayaan menyeluruh kekal ini. Jumlah semua peratusan berkenaan dengan mana- mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Kehilangan penggunaan anggota badan secara menyeluruh dan kekal melalui kemalangan tanpa pemotongan sebenar akan di anggap sebagai kehilangan anggota badan.

